

# Pengguna masih tidak disiplin, suka membazir

**S**IKAP gemar membazir serta kurang pengetahuan dan minat menjaga alam semula jadi dilihat menjadi ancaman terbesar di dalam usaha kerajaan mengajak rakyat sama-sama memelihara sumber air supaya ia selamat, bekalan berterusan dan dapat dinikmati generasi akan datang.

Adakah pendidikan yang diterima rakyat negara ini tidak cukup untuk mereka memahami betapa buruknya sikap membazir. Amat penting untuk masyarakat memahami sekalipun negara mempunyai pelbagai sumber air mentah tetapi ia bukan lesen untuk mengeksploitasi bekalan tanpa memikirkan keperluan masa hadapan.

Buktinya, berapa banyak sungai kita tercemar. Sebahagian besar rakyat tidak mahu bekerjasama memelihara sungai. Sedangkan 90 peratus



sumber air negara datangnya dari sungai. Saban hari akhbar melaporkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir individu mahupun syarikat menghumban sisa toksik, meninggalkan sampah selepas aktiviti perkelahan dan kegiatan pembalakan memburukkan lagi keadaan.

Pengarah Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ong Siew Heng, dalam kenyataan akhbar sebelum ini berkata, secara purata 1,887 tan sampah dikutip dari perangkap sampah 12 sungai di seluruh negara setiap bulan. Masalah itu mengakibatkan kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM150 juta untuk memulihara dan merawat sungai. Langkah ini diambil demi memastikan kebersihannya kerana ia adalah sumber air masa depan. Presiden Persatuan Air Malaysia, Ahmad Zahdi Jamil, berkata masyarakat negara ini masih tidak tahu cara mengamalkan hidup berdisiplin. Contoh mudah, ketika menggosok gigi umpamanya kebanyakan pengguna tidak akan menutup pili air, sebaliknya membiarkan air mengalir.

"Setiap individu dianggarkan menggunakan 300 liter air sehari. Jumlah ini boleh dikurangkan lagi kerana di Singapura penduduknya hanya menggunakan sekitar 150 liter sehari.

"Singapura juga mengenakan undang-undang yang ketat dan menaikkan tarif air sejajar dengan kos yang ditanggung. Kenaikan tarif secara psikologinya membantu pengguna berhati-hati dan berhemah di dalam menggunakan air," katanya.

Aktivis air, Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang (WWP) Prof Dr Chan Ngai Weng, dalam kenyataan menerusi rencana siaran agensi berita tempatan berkata, kerajaan perlu konsisten menyemai sikap penggunaan sumber secara berhemah dalam kalangan rakyat.

Katanya, seorang rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 310 liter air sehari. Sedangkan piawai antara-bangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesyorkan setiap individu menggunakan sekurang-kurangnya 165 liter air sehari.

"Jadi, secara purata rakyat Ma-

“Setiap individu dianggarkan menggunakan 300 liter air sehari. Jumlah ini boleh dikurangkan lagi kerana di Singapura penduduknya hanya menggunakan sekitar 150 liter sehari”

**Ahmad Zahdi Jamil**  
Presiden Persatuan Air Malaysia

laysia terlebih mengguna air sebanyak 145 liter sehari. Sebagai perbandingan, seorang penduduk Afrika puratanya mengguna hanya 50 liter seorang sehari, di India menggunakan kira-kira 100 liter. Di negara jiran kita, Singapura, seorang rakyatnya mengguna kira-kira 150 liter sehari," katanya berpandukan statistik diperoleh daripada PBB, Persatuan Air Malaysia dan WWP.

Melihat jurang penggunaan yang tinggi berbanding negara lain, timbul pertanyaan mampukah pengguna air di negara ini melakukannya? Nampaknya jabatan berkaitan perlu memikirkan satu pendekatan terbaik untuk menyedarkan pengguna. Gunung yang tinggi akan runtuh, jika setiap hari digali.

Oleh itu, pihak tertentu yang cuba mempolitikkan isu air seharusnya berfikir. Mana lagi sumber air yang mampu dipolitikkan jika suatu hari nanti sumber itu tercemar dan pupus. Bersediakah mana-mana parti politik yang memerintah di masa depan untuk menyelesaikan masalah ini jika tidak mahu bekerjasama sekarang.

Di pihak pengguna pula, seharusnya memikirkan kenaikan tarif adalah harga yang perlu dibayar atas setiap kos rawatan air. Sekalipun sumbernya banyak tetapi adakah ia bersih? Kos untuk merawatnya mencecah ratusan juta dan ini semua berpunca daripada sikap pengguna juga yang enggan memulihara sungai yang menjadi sumber utama.

Rasanya zaman makan bersuap sudah berakhir dan kini pengguna perlu sama-sama membayar harga jika ingin menikmati air bersih dan berkualiti.